

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN
ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) jumlah peluang pekerjaan yang telah diwujudkan oleh Kerajaan sepanjang tahun 2018 dan 2019; dan
- (b) jumlah pekerja kontrak dalam sektor Kerajaan dan syarikat-syarikat milik Kerajaan yang telah ditamatkan perkhidmatan pada tahun 2018 dan 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Portal *JobsMalaysia* (JM) di bawah Kementerian ini merupakan portal rasmi pasaran pekerja untuk pencarian dan penawaran pekerjaan melalui sistem padanan kerja sistem *web based* yang lebih mudah dan sistematik kepada pencari kerja dan majikan mendapatkan pekerja yang sesuai. Pusat *JobsMalaysia* (JMC) di seluruh negara menawarkan pelbagai informasi kekosongan pekerjaan dan perkhidmatan khidmat nasihat pekerjaan kepada pencari kerja dan majikan secara percuma dan kemudahan menjalankan temuduga terbuka. Pencari kerja pula berpeluang untuk menyertai karnival pekerjaan di seluruh negara termasuk program-program temuduga terbuka yang diadakan di semua *Urban Transformation Center (UTC)* dan JMC di seluruh negara sepanjang tahun.

2. Berdasarkan statistik daripada Portal pekerjaan *JobsMalaysia* sehingga Ogos 2019, kekosongan pekerjaan yang didaftarkan oleh majikan-majikan bagi kategori siswazah adalah sebanyak 50,326 jawatan manakala sebanyak 642,979 kekosongan jawatan adalah untuk kategori bukan siswazah. Pengiklanan oleh lebih 20,000 majikan aktif melibatkan penawaran pelbagai jawatan di semua kategori pekerjaan sektor awam dan swasta. Seramai 18,328 orang siswazah dan 43,543 orang bukan siswazah telah mendapat pekerjaan melalui pelbagai program penempatan pekerjaan yang dijalankan oleh kementerian. Berbanding pada tahun 2018, seramai 168,677 (98.1%) pencari kerja telah berjaya mendapat pekerjaan (*jobs placement*). Daripada jumlah tersebut, seramai 47,073 orang siswazah dan 121,604 orang bukan siswazah telah mendapat pekerjaan. Manakala pada tahun 2017 melalui pelbagai program penempatan pekerjaan, JTK telah menempatkan seramai 183,433 pencari kerja warganegara, yang terdiri seramai 57,320 orang

SOALAN NO : 30

siswazah dan seramai 126,113 bukan siswazah. Trend jumlah kekosongan peluang pekerjaan dan penempatan pekerjaan amat bergantung kepada penawaran peluang pekerjaan di pelbagai sektor ekonomi dalam negara.

3. Kerajaan pada masa ini sedang mempergiatkan usaha-usaha kepada pengukuhan ekonomi domestik seperti meneruskan projek-projek mega seperti *The East Coast Rail Link (ECRL)*, pelaburan domestik serta lebih banyak *Foreign Direct Investment (FDI)* yang menyumbang penghasilan *high value jobs* dan *knowledge worker* berpendapatan tinggi yang berterusan dalam jangka panjang agar merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru (*new jobs creation*) dalam negara di pelbagai sektor ekonomi berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di Pertua,

4. Pegawai awam lantikan kontrak yang telah tamat kontrak perkhidmatan dalam tempoh 2018 sehingga 2019 ialah seramai 1,384 orang daripada jumlah keseluruhan seramai 59,125 orang pegawai awam lantikan kontrak. Tiada perubahan pada data berhubung perkara ini kerana pelaksanaan urusan penamatan telah pun berakhir. Penamatan adalah disebabkan oleh pembubaran agensi dan tiada keperluan untuk meneruskan kontrak berkenaan berdasarkan tugas yang telah selesai.